

Keberkesanan Pendekatan Didik Hibur Terhadap Penguasaan Simpulan Bahasa Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah

The Effectiveness Of Fun Learning Approach In The Mastery Of Malay Idioms Among Secondary School Students

Shamala Ratna Kumar^{1*}, Zuraini binti Ramli²

¹ Sekolah Kebangsaan Sementa, Kampung Sementa, 42000 Klang, Selangor, Malaysia

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author email (institution email): zuraini@fbk.upsi.edu.my

ARTICLE HISTORY

Received: 06th August 2025
Revised: 23rd December 2025
Accepted: 05th January 2026
Published: 13rd April 2026

KEYWORDS

Pendekatan didik hibur
Simpulan bahasa
Tahap penguasaan

ABSTRAK - Objektif kajian ini bertujuan mengenal pasti keberkesanan pendekatan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian campuran dengan kaedah kuasi eksperimen berbentuk inferensi serta pemerhatian bukan peserta. Responden kajian ini dipilih melalui pensampelan mudah yang terdiri daripada 60 orang pelajar tingkatan empat daripada sebuah sekolah di Klang, Selangor. Dua set ujian simpulan bahasa, iaitu praujian dan pascaujian telah digunakan sebagai instrumen kajian. Ujian ini terdiri daripada 50 soalan simpulan bahasa dalam format objektif dan subjektif. Data kajian dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif dan inferensi, khususnya ujian-t dengan bantuan perisian *Statistical Package for Social Sciences* versi 27. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian skor min pascaujian antara kumpulan kawalan ($m=58.3$) dan kumpulan rawatan ($m=80.0$). Pencapaian pascaujian kumpulan rawatan yang menjalani PdPc melalui pendekatan didik hibur lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan. Nilai signifikan ($t=-6.782, p<.001$) membuktikan bahawa pendekatan didik hibur secara signifikan meningkatkan tahap penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan pelajar berbanding pendekatan tradisional yang digunakan dalam kumpulan kawalan. Oleh itu, pendekatan didik hibur terbukti lebih efektif dalam meningkatkan tahap penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan pelajar. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman pedagogi mengenai strategi yang berkesan dalam pengajaran simpulan bahasa.

The objective of this study is to identify the effectiveness of the didik hibur approach in teaching and learning idioms. This study uses a mixed research design with quasi-experimental methods in the form of inference and non-participant observation. The respondents of this study were selected through convenient sampling consisting of 60 from four students from a school in Klang, Selangor. Two sets of idiom tests, namely pretest and posttest, were used as study instruments. This test consisted of 50 idiom questions in objective and subjective formats. The study data were analyzed using descriptive and inferential statistical analysis, specifically t-test with the help of *Statistical Package for Social Sciences* version 27 software. The findings of this study show that there is a significant difference in the achievement of the mean post-test score between the control group ($m=58.3$) and the treatment group ($m=80.0$). The post-test achievement of the treatment group that underwent PdPc through the didik hibur approach was higher than that of the control group. The significant value ($t=-6.782, p<.001$) proves that the didik hibur approach significantly increased the level of idiom mastery among students compared to the traditional approach used in the control group. Therefore, the didik hibur approach proved to be more effective in increasing the

level of idiom mastery among students. This study contributes to the pedagogical understanding of effective strategies in teaching idioms.

PENGENALAN

Bahasa Melayu (BM) merupakan mata pelajaran teras di setiap sekolah rendah dan menengah, mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan yang ditetapkan dalam Akta Pendidikan 1996. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) BM merangkumi tiga standard yang asas, iaitu Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP), dan Standard Prestasi. Penggubalan kandungan kurikulum BM bertujuan untuk melahirkan murid yang berketerampilan dan mempunyai kecekapan berbahasa. Selaras dengan itu, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) BM telah menggariskan pelbagai pedagogi yang boleh digunakan oleh para pendidik. Pedagogi ini berfokus kepada pembelajaran yang mendalam melalui penerapan aspek Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) supaya dapat melengkapkan para pelajar dengan keterampilan berbahasa serta dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang relevan dengan keperluan semasa.

Salah satu pedagogi yang boleh digunakan oleh pendidik bagi meningkatkan tahap penguasaan BM adalah melalui pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berasaskan pendekatan didik hiburan. Didik hiburan ialah satu kaedah yang diaplikasikan dalam proses PdPc yang bersifat seronok dan menghiburkan seperti permainan, nyanyian, bercerita, lakonan, dan puisi secara terkawal dan terancang. Didik hiburan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih ceria kerana terdapat ciri-ciri seperti kelakar, kecindan, estetik, permainan muzik, lakonan dan lain-lain (KPM, 2010). Tambahan pula, didik hiburan adalah suatu pendekatan pendidikan yang menerapkan elemen hiburan seperti permainan di luar dan dalam kelas, lakonan, nyanyian, pergerakan aktif, penggunaan bahan visual serta pengaplikasian aktiviti-aktiviti kreatif yang dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang sangat menyeronokkan. Ini juga disokong oleh Ahmad dan Othman (2020) yang menyatakan bahawa didik hiburan juga bermaksud pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang akan menggabungkan elemen-elemen berunsurkan hiburan dalam pendidikan. Pendekatan didik hiburan boleh dilaksanakan dalam proses PdPc di sekolah supaya para pelajar berminat terhadap pembelajaran BM serta mendapat peluang yang luas untuk mempertingkatkan penguasaan peribahasa Melayu. Sesi PdPc yang berasaskan didik hiburan perlulah diberi penekanan agar dapat menarik minat murid dalam pembelajaran supaya membantu murid memahami dan menguasai bahasa dengan lebih efektif. Kajian Juwairiah et al. (2018) menyatakan bahawa sesi pengajaran dan pembelajaran yang menarik minat serta mudah akan menjadi penyebab terpenting dalam memastikan sesuatu ilmu itu boleh difahami dan diingat dalam jangka masa yang lama. Rentetan dengan itu, pendekatan didik hiburan mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif dan berpusatkan murid. Sesi pembelajaran yang berpusatkan murid mendorong mereka untuk menjadi lebih aktif, berdikari dan produktif serta memenuhi tuntutan pembelajaran abad ke-21 (Melvina & Norazah, 2021). Menurut Owing Ji Seng et al. (2018), guru yang mahir dalam pendekatan didik hiburan boleh mengaplikasikan kaedah ini dengan berkesan bagi mewujudkan hasil yang positif terhadap penguasaan dan pencapaian BM pelajar.

Sehubungan dengan itu, pendidik harus sentiasa memotivasikan pelajar untuk mengambil bahagian secara aktif dalam proses PdPc di sekolah. Menurut Fina (2023), peranan guru dalam PdPc adalah memberi peluang dan sentiasa menggalakkan pelajar untuk berkomunikasi, berkongsi idea atau pendapat dan bekerjasama dengan rakan sekelas. Guru perlu menjalankan sesi PdPc yang berpusatkan murid. Kajian Alizah Lambri dan Zamri Mahmood (2016) membuktikan bahawa sesi PdPc yang berpusatkan pelajar yang dilaksanakan dalam pengajaran BM dapat menggalakkan pembentukan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar, khususnya kemahiran interpersonal, kemahiran komunikasi dan sosial, kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah, kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran teknologi maklumat. Penglibatan aktif dalam pembelajaran bukan sahaja membantu murid untuk mengembangkan minda malah meningkatkan penguasaan kemahiran dalam sesuatu mata pelajaran. Oleh hal yang demikian, pendekatan didik hiburan perlu dilaksanakan oleh pendidik dalam proses PdPc BM agar sesi pembelajaran berpusatkan murid diwujudkan.

Di samping itu, dengan penggunaan pendekatan didik hiburan dalam proses PdPc, murid yang cecal dari segi fizikal, sosial, emosi dan intelektual dapat dibentuk selain mengukuhkan penguasaan kemahiran tatabahasa. Melalui didik hiburan, murid berpeluang untuk bebas bersuara, berkongsi idea dan pendapat yang kritis dan kreatif serta bersemangat untuk bekerjasama secara berpasukan. Mazlan (2016) menyatakan bahawa kaedah didik hiburan dapat membantu murid mempraktikkan KBAT dan menimbulkan rasa ingin tahu mereka terhadap sesi PdPc. Seterusnya, pelaksanaan pendekatan didik hiburan yang berkesan oleh pendidik dapat membantu murid agar mencapai tahap pencapaian yang

cemerlang dalam bidang pendidikan. Kenyataan ini disokong oleh Ooi Wan Yee, Abdul Razaq dan Shakila (2022), yang menyatakan bahawa pelaksanaan didik hibur yang dirancang dengan baik oleh guru dapat meningkatkan tahap pencapaian murid. Perkara ini saling berkaitan dengan minat pelajar terhadap pembelajaran kerana didik hibur merupakan suatu kaedah pengajaran yang efektif dan membolehkan pelajar untuk belajar dalam suasana yang seronok serta menumpukan perhatian yang sepenuhnya semasa sesi pengajaran. Pendekatan didik hibur perlu diintegrasikan dalam proses PdPc di sekolah untuk meningkatkan penguasaan BM dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Selaras dengan itu, emosi positif pelajar juga memainkan peranan yang penting dalam proses PdPc BM di sekolah. Emosi positif juga dapat memberi inspirasi kepada pelajar supaya menggunakan strategi pembelajaran bahasa dengan lebih cekap yang dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran bahasa pelajar. Kenyataan ini dibuktikan melalui kajian Fredrickson (2001) yang menunjukkan bahawa emosi positif meluaskan pemikiran dan tindakan seseorang individu. Selain itu, kajian yang telah dijalankan oleh Mohammadipour et al. (2018) menunjukkan bahawa emosi positif boleh membantu pelajar untuk menggunakan pelbagai jenis strategi pembelajaran bahasa yang lebih sesuai semasa proses pembelajaran bahasa kedua. Oleh itu, adalah penting bagi pihak sekolah untuk memberikan keutamaan kepada penguasaan BM, terutamanya pada elemen sistem bahasa, sejajar dengan penekanan yang telah dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu.

Berdasarkan DSKP, setiap pelajar haruslah menguasai peribahasa yang dikenali sebagai salah satu sistem bahasa. Peribahasa ialah aspek seni bahasa yang harus diajarkan kepada murid agar mereka dapat menghayati keindahan peribahasa serta dapat mengaplikasikan penggunaan peribahasa yang betul (DSKP KSSM BM Tingkatan 4 dan 5, 2018, p.1). Kenyataan ini disokong oleh Mohd Ridzuan dan Mary Fatimah (2024), yang menyatakan bahawa penguasaan peribahasa murid perlu meliputi kemahiran memahami, menghubungkan maksud dengan betul mengikut konteks, menghayati makna serta mengapresiasi peribahasa. Setiap murid perlu menguasai peribahasa kerana aspek ini merupakan salah satu kemahiran berbahasa yang penting dalam pembelajaran BM. Dalam proses PdPc BM, peribahasa dianggap sama penting dengan elemen-elemen bahasa yang terdapat dalam pembelajaran bahasa (Mary Fatimah & Mohd Ridzuan, 2019). Peribahasa merangkumi aspek simpulan bahasa, perumpamaan, perbilang, pepatah, dan bidalan. Dalam konteks kajian ini, fokus diberikan kepada aspek simpulan bahasa sahaja.

Secara tuntasnya, penguasaan simpulan bahasa dapat dicapai melalui pemilihan kaedah PdPc yang sesuai. Selain itu, pelaksanaan pedagogi pengajaran yang bersesuaian memainkan peranan penting dalam meningkatkan pencapaian tahap penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan murid. Kaedah didik hibur bakal mendatangkan impak yang positif dalam medan pendidikan pada masa akan datang. Hal ini juga memberi gambaran yang teliti bahawa pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam pendidikan bukan sahaja membantu murid untuk menguasai kemahiran bahasa dalam suatu suasana pembelajaran yang santai serta menghiburkan malah menghulurkan tangan kepada pendidik untuk mencapai objektif pembelajaran seperti yang dirancang. Oleh hal yang demikian, pendekatan didik hibur harus dihayati dan dikuasai oleh pendidik dan juga murid supaya dapat meningkatkan lagi taraf penguasaan simpulan bahasa serta tahap pencapaian prestasi murid dalam ujian BM.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini meneliti masalah penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Pada era globalisasi ini, pendidikan merupakan satu aspek yang sedang mara ke hadapan dan juga mencabar dalam persada dunia. Penguasaan BM sebagai bahasa rasmi negara, memainkan peranan penting dalam memastikan kecemerlangan murid dalam pembelajaran. Namun begitu, penguasaan BM yang kurang memberangsangkan dalam kalangan murid sekolah menengah bukan sahaja membawa impak yang negatif terhadap penguasaan BM, malah kemahiran aspek simpulan bahasa murid tersebut juga tidak berada pada tahap yang memuaskan. Ini menyebabkan murid mendapat prestasi pencapaian yang kurang cemerlang dalam ujian tatabahasa BM. Beberapa kajian lepas yang telah dijalankan mendapati bahawa penguasaan murid dalam peribahasa masih belum memuaskan.

Shaline dan Alizah (2021) dalam kajian mereka mendapati bahawa tahap kefahaman murid yang lemah dalam memahami makna peribahasa mengehadkan murid untuk menggunakan peribahasa dalam PdPc BM. Seterusnya, kajian Muhammad Zaid (2020) menunjukkan bahawa penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar masih rendah, dan pengajaran yang cenderung kepada hafalan sahaja tidak cukup untuk meningkatkan pemahaman mereka terhadap penggunaan peribahasa dalam konteks yang lebih luas. Tambahan pula, kajian yang dijalankan oleh Nor Hashimah dan Junaini (2010) menunjukkan 900 daripada 1500 pelajar remaja yang mengambil bahagian dalam kajian gagal menguasai tahap penguasaan kemahiran peribahasa BM. Pada masa yang sama, kajian

oleh Nur Syuaidatul Haneesa et al. (2025) menyatakan bahawa pelajar sering menghadapi kesukaran dalam memahami makna tersirat terutama bagi simpulan bahasa dan peribahasa. Tambahan pula, Goh Suzie (1998) menyatakan bahawa pelajar sekolah menengah mempunyai tanggapan bahawa peribahasa ialah bahasa klise yang tidak dapat difahami dengan baik, sukar dihafal serta pengajaran peribahasa sangat membosankan. Secara keseluruhan, dapatan kajian di atas menunjukkan pola yang konsisten, iaitu tahap penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar masih lemah dan pendekatan pengajaran yang sedia ada kurang memberangsangkan.

Selain perubahan dalam sistem pendidikan, faktor persekitaran seperti strategi, kaedah dan pendekatan pengajaran yang kurang efisien juga mendorong kemerosotan pencapaian prestasi murid dalam ujian BM. Guru memainkan peranan sebagai moderator dalam proses PdPc yang berkesan untuk meningkatkan potensi dan pencapaian murid pada tahap yang unggul secara berterusan (SKPMg2 Jemaah Nazir Jaminan Kualiti, 2017). Namun, minat dan perhatian yang ditunjukkan oleh pelajar terhadap pembelajaran BM makin kurang apabila penggunaan strategi pengajaran yang tidak bersesuaian diterapkan dalam proses PdPc oleh guru. Menurut Abdul Rasid et al. (2013), teknik PdPc yang digunakan oleh guru BM mestilah mampu menarik perhatian dan minat murid supaya mereka dapat mengikuti pelajaran di sekolah. Keadaan ini menekankan bahawa guru-guru perlu melaksanakan satu kaedah atau pendekatan yang inovatif dan kreatif dalam proses PdPc serta berpusatkan murid supaya dapat mengukuhkan penguasaan BM terutamanya dalam kemahiran penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan pelajar.

Banyak kajian mengenai penguasaan simpulan bahasa telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu, dengan variasi pendekatan pembelajaran yang mempengaruhi penguasaan kemahiran simpulan bahasa juga telah dicadangkan. Pendekatan didik hibur semakin popular dalam bidang pendidikan, dengan banyak kajian menekankan unsur didik hibur dalam pembelajaran bahasa pada masa kini. Misalnya, kajian yang berkaitan didik hibur dalam proses PdPc bahasa seperti Pendidikan Islam (Mohd Rosmadi & Hafizhah, 2020), Bahasa Inggeris (Tan Ching & Ruhizan, 2022), dan Bahasa Tamil (Meenachi Dorasamy & Norazrena, 2022). Walaupun terdapat banyak kajian berkaitan pendekatan didik hibur dalam BM, kajian yang menumpukan kepada keberkesanan pendekatan didik hibur dalam penguasaan kemahiran simpulan bahasa masih terhad. Selain itu, hubungan antara emosi positif, sebagaimana yang dijelaskan dalam teori *The Broaden and Build* dengan peningkatan tahap penguasaan simpulan bahasa juga belum diteroka secara menyeluruh. Oleh hal yang demikian, kajian ini memberikan fokus kepada menilai keberkesanan pendekatan didik hibur dalam mempertingkatkan penguasaan simpulan bahasa pelajar sekolah menengah melalui elemen teori *The Broaden and Build*.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Menganalisis perbezaan tahap penguasaan simpulan bahasa antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam praujian dan pascaujian.
- ii. Mengenal pasti keberkesanan pendekatan didik hibur dalam meningkatkan penguasaan simpulan bahasa dengan menghubungkan elemen-elemen teori *The Broaden and Build* dalam pembelajaran.

PERSOALAN KAJIAN

Secara khususnya, skop kajian ini menjurus kepada beberapa soalan kajian seperti yang berikut:

- i. Apakah perbezaan tahap penguasaan simpulan bahasa antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam praujian dan pascaujian?
- ii. Adakah pendekatan didik hibur berkesan dalam meningkatkan penguasaan simpulan bahasa dengan menghubungkan elemen-elemen teori *The Broaden and Build* dalam pembelajaran?

HIPOTESIS KAJIAN

- i. Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penguasaan simpulan bahasa antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam praujian dan pascaujian.

SOROTAN LITERATUR

Bahagian ini membincangkan secara analitis dan kritis mengenai pengaplikasian pendekatan didik hiburan dalam pembelajaran simpulan bahasa serta teori *The Broaden and Build*, yang menjadi asas kajian ini. Ulasan ini bertujuan bagi menunjukkan dapatan kajian lepas, persamaan dan perbezaan dengan kajian semasa, jurang penyelidikan yang wujud, serta justifikasi kukuh mengapa kajian ini perlu dijalankan. Didik hiburan adalah kaedah pengajaran yang dilaksanakan dalam proses PdPc, iaitu guru menjalankan pengajaran dengan murid sambil menghiburkan dalam suasana pembelajaran yang bersantai dan seronok. Kajian mengenai didik hiburan dalam pendidikan BM membuktikan bahawa pendekatan ini berpotensi membentuk murid yang seimbang dari segi aspek kemahiran sosial, fizikal, intelektual dan emosi, di samping membantu mempertingkatkan pencapaian akademik murid. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian terdahulu berfokus kepada aspek kemahiran bahasa secara umum, dan bukan secara khusus pada penguasaan simpulan bahasa.

Misalnya, hasil kajian Abdul Rasid, Nurul Nadiah dan Shamsudin (2016) membuktikan bahawa teknik didik hiburan khususnya unsur lakonan meningkatkan kemahiran mengarang pelajar serta pencapaian pelajar dalam penulisan karangan BM. Meskipun, dapatan kajian tersebut menunjukkan keberkesanan positif didik hiburan dalam BM, fokusnya hanya pada penulisan karangan dan bukan aspek simpulan bahasa. Hal ini menampilkan bahawa keberkesanan pendekatan didik hiburan terhadap aspek simpulan bahasa belum diterokai secara meluas. Sementara itu, kajian oleh Lilly, Amelia dan Saira (2013) memperkenalkan sebuah inovasi pembelajaran berasaskan bermain yang bernama "Mind Your Grammar" merupakan suatu pembangunan inovasi Pembelajaran yang merangkumi unsur keseronokan, kreatif, dan kreativiti serta membantu pelajar untuk mempelajari, memahami dan menguasai tatabahasa Bahasa Inggeris dengan cara yang santai dan mudah. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini masih tidak membincangkan keberkesanan suasana pembelajaran yang menyeronokkan terhadap tahap pemahaman makna tersirat seperti yang diperlukan dalam penguasaan simpulan bahasa.

Selain daripada itu, dapatan kajian tinjauan Melvina dan Norazah (2021) menunjukkan bahawa permainan interaktif "Objek Tersembunyi" dapat menarik minat pelajar dalam pembelajaran penjodoh bilangan dan tatabahasa Bahasa Melayu. Walaupun dapatan kajian ini menunjukkan keberkesanan pendekatan didik hiburan dalam meningkatkan motivasi pelajar terhadap aspek penjodoh bilangan dan tatabahasa, ia tidak memperihalkan tahap keberkesanan pendekatan serupa terhadap aspek seni bahasa, khususnya penguasaan simpulan bahasa. Secara keseluruhan, kebanyakan kajian menumpu kepada keberkesanan pendekatan didik hiburan terhadap penguasaan tatabahasa, simpulan bahasa dan penulisan tetapi kurang diterapkan dalam pembelajaran seni bahasa BM, khususnya simpulan bahasa. Oleh hal yang demikian, kajian ini berusaha untuk mengisi jurang untuk menilai bagaimana pendekatan didik hiburan menyokong peningkatan tahap penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan murid.

Teori *The Broaden and Build* telah dibangunkan oleh Barbara Fredrickson yang merupakan seorang ahli psikologi sosial dan profesor di Amerika. Beliau memperkenalkan teori ini pada tahun 1998 dengan tujuan untuk meneroka peranan emosi positif terhadap kelangsungan kehidupan seseorang individu. Teori *The Broaden and Build* ini menyatakan bahawa emosi positif dapat memberi kegembiraan, kepuasan, serta meluaskan tingkah laku seseorang dari segi aspek kesedaran, penemuan, rasa ingin tahu dan penglibatan secara ceria atau gembira dalam sesuatu aktiviti. Dengan ini, seseorang dapat mengembangkan kemahiran fizikal, sosial dan intelek yang baharu. Sebagai contoh, emosi keseronokan dalam pembelajaran memudahkan murid untuk menghayati dan memahami sesuatu pelajaran. Natiujahnya, murid dapat meningkatkan kemahiran dan kecekapan dari segi sosial serta berfikir kritis dan kreatif. Dari segi skop pendidikan, pelaksanaan elemen teori *The Broaden and Build* dalam proses PdPc bertujuan bagi mempengaruhi penglibatan murid melalui pembelajaran yang santai dan menyeronokkan. Pengalaman emosi positif dihipotesiskan untuk meluaskan pemikiran dan tingkah laku seseorang individu serta memudahkan tindak balas yang lebih berkesan terhadap persekitaran yang dapat mewujudkan peluang pembelajaran yang lebih luas (Fredrickson, 1998). Kajian-kajian terdahulu yang menggunakan teori ini menunjukkan dapatan yang menyokong keberkesanan terhadap motivasi dan penglibatan pelajar. Namun demikian, bukti empirikal berkaitan penerapannya dalam konteks pembelajaran simpulan bahasa masih terhad.

Seterusnya, peribahasa didefinisikan sebagai ayat pendek yang merangkumi peraturan berkaitan kebijaksanaan, kebenaran dan moral. Menurut kajian Noraini Shahida dan M Mascitah (2011), R.O Winstedt, Abdullah Hussain dan C.C Brown merupakan tokoh yang mengintegrasikan semua jenis peribahasa dalam satu tajuk, iaitu peribahasa ataupun mengelaskan mengikut kelas-kelas yang tertentu seperti simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, pepatah dan sebagainya tanpa menggunakan kata kunci bagi membezakan bentuk cabang bahasa yang diberi nama peribahasa. Dari segi konteks pendidikan bahasa, simpulan bahasa memerlukan aras pemikiran yang lebih tinggi kerana murid perlu menghubungkan makna literal dengan makna tersirat. Namun begitu, kebanyakan kajian

lepas menunjukkan bahawa penguasaan murid dalam aspek seni bahasa termasuk simpulan bahasa masih berada pada tahap yang terhad. Sebagai contoh, kajian Marriane, Nur Farahkhanna, Noor Syamshida dan Norfaizah (2021) merumuskan bahawa tahap kefahaman pelajar terhadap makna peribahasa Melayu mempunyai kaitan dengan Teori Relevans. Antara faktor yang mempengaruhi tahap kefahaman pelajar terhadap makna peribahasa ialah psikologi, persekitaran murid, serta pengalaman murid itu sendiri. Kajian tindakan Muhamad Rafi (2020) telah mengenal pasti tahap keberkesanan Aplikasi Legenda Singapura terhadap pembelajaran BM melalui latihan kefahaman, pantun, peribahasa pilihan dan lain-lain lagi. Secara menyeluruh, meskipun terdapat banyak kajian yang menumpu kepada aspek peribahasa dan pembelajaran seni bahasa, jurang penyelidikan masih wujud khususnya dalam tahap pemahaman murid terhadap penguasaan simpulan bahasa dan makna tersiratnya. Oleh itu, kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan meneliti pendekatan pembelajaran yang lebih sesuai dan berkesan.

Berdasarkan keseluruhan sorotan literatur, dapat dirumuskan bahawa pendekatan didik hibur berpotensi mempertingkatkan motivasi dan penglibatan pelajar, namun tahap keberkesanan pendekatan serupa terhadap simpulan bahasa masih belum diterokai secara lebih mendalam. Dari sudut teori kajian, teori *The Broaden and Build* menunjukkan bahawa emosi positif dapat memperkukuh pemikiran kreatif, namun pengaplikasian teori ini dalam pembelajaran seni bahasa masih dalam tahap yang rendah. Oleh itu, penggabungan elemen didik hibur dengan elemen emosi positif berpotensi menjadi strategi yang berkesan bagi meningkatkan pemahaman makna tersirat dalam simpulan bahasa. Justeru, kajian ini dilaksanakan supaya dapat mengisi jurang tersebut dan menyediakan bukti empirikal mengenai keberkesanan didik hibur terhadap tahap penguasaan simpulan bahasa melalui penerapan teori *The Broaden and Build*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah campuran yang menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif bagi menilai keberkesanan pendekatan didik hibur terhadap penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan murid sekolah menengah. Pendekatan campuran dipilih bagi memperoleh data yang lebih komprehensif melalui triangulasi antara pencapaian ujian dan tingkah laku pembelajaran murid. Komponen kuantitatif menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen dengan melibatkan praujian dan pascajian untuk membandingkan pencapaian skor antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Pengukuran dijalankan menggunakan dua set ujian simpulan bahasa yang mengandungi soalan objektif dan subjektif. Komponen kualitatif pula dilaksanakan melalui pemerhatian penuh terhadap sesi PdPc kumpulan rawatan. Pemerhatian ini memberi tumpuan kepada interaksi murid, respons emosi serta penglibatan mereka dalam aktiviti didik hibur berdasarkan elemen utama teori *The Broaden and Build*. Seramai 60 orang murid tingkatan empat dari sebuah sekolah menengah kebangsaan di Klang, Selangor dipilih sebagai peserta kajian. Pemilihan dilakukan dengan mengambil kira markah pencapaian BM sebelumnya serta pertimbangan guru mata pelajaran. Dua kelas aliran perakaunan dipilih sebagai sampel, dengan 30 murid sebagai kumpulan kawalan dan 30 murid sebagai kumpulan rawatan. Pemilihan murid tingkatan empat dibuat kerana mereka berada dalam fasa peralihan menengah atas yang menuntut penguasaan lebih mendalam terhadap aspek seni bahasa.

Instrumen kajian terdiri daripada ujian simpulan bahasa (pra dan pasca), dua set ujian yang dibina pengkaji dan disemak oleh pakar penilai daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) serta guru pakar Bahasa Melayu. Setiap ujian mengandungi 50 soalan yang terdiri daripada 25 objektif dan 25 subjektif berdasarkan simpulan bahasa dalam buku teks KSSM Tingkatan 4 dan 5. Instrumen kajian yang seterusnya ialah senarai semak pemerhatian yang menilai empat elemen utama teori *The Broaden and Build*, iaitu emosi positif (ekspresi wajah, nada suara, penglibatan), penemuan (penjanaan idea dan strategi pembelajaran), perkembangan (kognitif, fizikal dan sosial) serta pandangan positif (keyakinan diri dan sikap terhadap pembelajaran). Kesahan instrumen disemak oleh panel pakar melalui penilaian terhadap kesesuaian bahasa, aras kesukaran dan ketepatan konstruk. Beberapa pindaan telah dibuat berdasarkan saranan pakar. Kebolehpercayaan instrumen diuji menggunakan *Alpha Cronbach* dan memperoleh nilai 0.864, menunjukkan konsistensi dalaman yang tinggi dan sesuai untuk tujuan pengukuran.

Dari sudut prosedur pengumpulan data, kajian dilaksanakan dalam tiga fasa, iaitu praujian bagi kedua-dua kumpulan kawalan dan rawatan untuk menjawab ujian selama 60 minit. Fasa kedua pula, intervensi selama lapan minggu di mana kumpulan kawalan mengikuti PdPc tradisional manakala kumpulan rawatan mengikuti PdPc berasaskan didik hibur melalui empat aktiviti utama iaitu, lakonan, bercerita, nyanyian dan berpuisi yang diterapkan melalui elemen teori *The Broaden and Build*. Pemerhatian penuh dijalankan sepanjang sesi PdPc kumpulan rawatan. Akhirnya, fasa ketiga

merupakan pascaujian, iaitu kedua-dua kumpulan menduduki ujian sama aras untuk mengukur perubahan pencapaian. Data kuantitatif dianalisis menggunakan ujian-*t* sampel bebas melalui perisian SPSS versi 27 untuk menilai perbezaan signifikan antara kumpulan kawalan dan rawatan. Data kualitatif daripada senarai semak pemerhatian dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti pola penglibatan, respons emosi dan pembinaan kemahiran murid berdasarkan kerangka teori *The Broaden and Build*.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berdasarkan dua objektif kajian, iaitu menganalisis perbezaan tahap penguasaan simpulan bahasa antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam praujian dan pascaujian serta mengenal pasti keberkesanan pendekatan didik hibur dalam meningkatkan penguasaan simpulan bahasa dengan menghubungkan elemen-elemen teori *The Broaden and Build* dalam pembelajaran.

Bagi objektif kajian pertama, analisis praujian menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan berada pada tahap penguasaan yang sederhana sebelum intervensi dilaksanakan. Skor min praujian kumpulan kawalan ialah 58.33 ($SP = 13.110$), manakala kumpulan rawatan mencatatkan skor min 43.86 ($SP = 12.215$). Ujian-*t* sampel bebas menunjukkan bahawa perbezaan skor praujian antara kedua-dua kumpulan adalah tidak signifikan ($p > 0.05$), sekali gus membuktikan bahawa kedua-dua kumpulan berada pada tahap awal yang setara sebelum intervensi dijalankan.

Selepas tempoh intervensi selama lapan minggu, kumpulan kawalan yang mengikuti pengajaran berasaskan pendekatan tradisional menunjukkan tiada perubahan ketara dalam pencapaian, dengan skor min pascaujian kekal pada 58.33 ($SP = 12.919$). Ujian-*t* sampel berpasangan mengesahkan bahawa perbezaan antara skor praujian dan pascaujian kumpulan kawalan adalah tidak signifikan ($t = 0.000$, $p = 1.000$). Sebaliknya, kumpulan rawatan yang mengikuti pembelajaran berasaskan pendekatan didik hibur menunjukkan peningkatan yang signifikan, dengan skor min pascaujian meningkat kepada 80.03 ($SP = 11.842$). Keputusan ujian-*t* sampel berpasangan menunjukkan perbezaan yang signifikan antara skor praujian dan pascaujian kumpulan rawatan ($t = -17.864$, $p < .001$).

Perbandingan skor pascaujian antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan turut menunjukkan perbezaan yang signifikan. Ujian-*t* sampel bebas mencatatkan nilai $t = -6.782$ dengan nilai signifikan $p = < 0.001$, di mana kumpulan rawatan memperoleh skor min yang lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan. Oleh itu, hipotesis nol (H_{01}) ditolak, sekali gus membuktikan bahawa pendekatan didik hibur berkesan dalam meningkatkan penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan murid sekolah menengah.

Bagi objektif kajian kedua, dapatan kualitatif yang diperoleh melalui kaedah pemerhatian menggunakan senarai semak pemerhatian menunjukkan bahawa murid dalam kumpulan rawatan mempamerkan penglibatan yang konsisten merentasi empat elemen utama teori *The Broaden and Build*, iaitu emosi positif, penemuan, perkembangan dan pandangan positif. Elemen emosi positif dikenal pasti melalui ekspresi wajah, nada suara, bahasa tubuh, penglibatan aktif, tindak balas kepada guru dan peningkatan fokus murid sepanjang aktiviti pembelajaran. Elemen penemuan pula diperhatikan apabila murid berani mencuba strategi pembelajaran baharu, menjana idea kreatif serta bekerjasama dengan rakan semasa aktiviti lakonan, nyanyian, bercerita dan berpuisi. Dari aspek perkembangan, murid menunjukkan peningkatan kefahaman terhadap makna simpulan bahasa serta kemahiran komunikasi dan interaksi sosial yang lebih terbuka. Selain itu, elemen pandangan positif dapat dikenalpasti apabila murid mempamerkan keyakinan terhadap kebolehan diri, memberikan maklum balas yang membina dan menzahirkan minat yang berterusan terhadap pembelajaran BM. Secara keseluruhannya, dapatan pemerhatian ini menyokong dapatan kuantitatif dan menunjukkan bahawa pendekatan didik hibur yang menghubungkan elemen teori *The Broaden and Build* berkesan dalam menyokong penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan murid kumpulan rawatan.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan dua objektif kajian yang telah ditetapkan, iaitu mengenal pasti perbezaan tahap penguasaan simpulan bahasa antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan serta menilai keberkesanan pendekatan didik hibur yang menghubungkan elemen teori *The Broaden and Build* dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Bagi objektif kajian pertama, dapatan analisis ujian pra dan pasca menunjukkan bahawa tiada perbezaan signifikan dalam skor praujian antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan, sekali gus mengesahkan kesetaraan awal kedua-dua kumpulan sebelum intervensi dijalankan. Walau

bagaimanapun, dapatan pascaujian memperlihatkan perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan, apabila kumpulan rawatan yang mengikuti pembelajaran berasaskan pendekatan didik hibur mencatatkan skor min pascaujian yang jauh lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan. Sebaliknya, kumpulan kawalan yang mengikuti pendekatan pengajaran tradisional tidak menunjukkan peningkatan yang signifikan antara skor praujian dan pascaujian. Dapatan ini membuktikan bahawa pendekatan didik hibur memberikan kesan positif terhadap peningkatan penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan murid sekolah menengah.

Bagi objektif kajian kedua, dapatan kualitatif yang diperoleh melalui pemerhatian penuh menggunakan senarai semak pemerhatian menunjukkan bahawa penerapan pendekatan didik hibur telah mengaktifkan elemen-elemen utama teori *The Broaden and Build*, iaitu emosi positif, penemuan, perkembangan dan pandangan positif. Murid dalam kumpulan rawatan mempamerkan emosi positif melalui keceriaan, penglibatan aktif, keyakinan diri dan peningkatan fokus semasa aktiviti pembelajaran. Elemen penemuan dapat dikenal pasti apabila murid berani mencuba idea baharu, menjana pemikiran kreatif serta bekerjasama dalam aktiviti seperti lakonan, nyanyian, bercerita dan berpuisi. Dari aspek perkembangan, murid menunjukkan peningkatan kefahaman terhadap makna simpulan bahasa serta kemahiran komunikasi dan interaksi sosial yang lebih terbuka. Selain itu, elemen pandangan positif turut diperhatikan apabila murid menzahirkan keyakinan terhadap kebolehan diri dan minat yang berterusan terhadap pembelajaran BM. Dapatan ini mengesahkan bahawa pendekatan didik hibur yang menghubungkan elemen teori *The Broaden and Build* berkesan dalam menyokong proses pembelajaran simpulan bahasa secara menyeluruh.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan didik hibur bukan sahaja berkesan dari segi peningkatan pencapaian akademik, malah turut menyumbang kepada pembentukan persekitaran pembelajaran yang lebih ceria, interaktif dan bermakna. Hal ini selari dengan kerangka teori *The Broaden and Build* yang menegaskan bahawa peranan emosi positif dalam memperluas pemikiran serta membina keupayaan kognitif murid. Justeru, pendekatan didik hibur wajar dipertimbangkan sebagai salah satu strategi pengajaran yang berkesan dalam pengajaran simpulan bahasa dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, kajian ini membuktikan bahawa pendekatan didik hibur yang dilaksanakan secara terancang dan sistematik mampu meningkatkan tahap penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan murid sekolah menengah. Pendekatan ini bukan sahaja membantu murid memahami makna simpulan bahasa dengan lebih berkesan malah mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih ceria, interaktif dan menyeronokkan. Penerapan elemen-elemen teori *The Broaden and Build* telah menyumbang kepada penglibatan murid yang lebih aktif, pemikiran yang lebih terbuka serta pembinaan keyakinan diri dan sikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa pendekatan didik hibur wajar diketengahkan sebagai alternatif pedagogi yang berkesan dalam pengajaran aspek seni bahasa, khususnya simpulan bahasa, di samping menyokong usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah.

ACKNOWLEDGEMENT

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas bimbingan dan sokongan akademik sepanjang pelaksanaan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak pentadbiran sekolah, guru-guru serta semua murid yang telah memberikan kerjasama dan terlibat secara langsung dalam proses pengumpulan data. Kajian ini tidak menerima sebarang tajaan atau geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan awam, swasta atau badan bukan berasaskan keuntungan.

CONFLICT OF INTEREST

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berhubung dengan penerbitan manuskrip ini.

AUTHORS CONTRIBUTION

Shamala Ratna Kumar: Konseptualisasi, Metodologi, Penyiasatan, Kurasi Data, Analisis Formal, Penulisan Draf Asal.

Zuraini binti Ramli: Penyeliaan, Pengesahan, Penulisan, Semakan dan Penyuntingan, Pentadbiran Projek.

AVAILABILITY OF DATA AND MATERIALS

Please choose one of the applicable statements below.

1. Data available within the article or its supplementary materials.
2. Data available on request from the authors.
3. Data is openly available in a public repository, with a permanent identifier (such as a DOI).
4. Data embargoed due to commercial restrictions.
- 5. Data available on request due to privacy/ethical restrictions.**
6. Data generated at a central, large-scale facility, available upon request.
7. Data subject to third-party restrictions.

DECLARATION OF GENERATIVE AI

Semasa penyediaan manuskrip ini, penulis telah menggunakan ChatGPT bagi membantu meningkatkan kejelasan bahasa dan kebolehbacaan penulisan. Selain itu, perisian Dewan Eja 11 digunakan untuk tujuan semakan ejaan dan ketepatan bahasa. Selepas penggunaan alat-alat tersebut, penulis telah menyemak, menyunting dan mengesahkan keseluruhan kandungan serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan akhir penerbitan ini.

ETHIC STATEMENTS

Kajian ini melibatkan peserta manusia, iaitu murid sekolah menengah. Kebenaran untuk menjalankan kajian telah diperoleh daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) serta pihak pentadbiran sekolah yang terlibat. Semua prosedur kajian dilaksanakan selaras dengan etika penyelidikan pendidikan yang ditetapkan. Penyertaan murid adalah secara sukarela dan semua data telah dinyahpengenal bagi menjamin kerahsiaan serta privasi peserta. Kajian ini mematuhi garis panduan penyelidikan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa pendidikan Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Rasid, J., & Hasmah, I. (2016). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran BM. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2), 49–63.
- Abdul Rasid, J., Razali, N. N., & Othman, S. (2016). Pengaplikasian teknik didik hibur meningkatkan pencapaian penulisan karangan BM. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 39–45.
- Abdul Rasid, J., Othman, S., & Hashim, H. (2012). Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam transformasi pengajaran penulisan karangan BM. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 129–140.
- Alizah, L., & Zambri, M. (2016). Pendekatan berpusatkan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu bagi membentuk kemahiran insaniah pelajar di universiti awam. *Pendeta*, 7, 25–34. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1189>
- Fina, R. R. (2023). Strategi komunikasi efektif guru dalam membentuk kepercayaan diri siswa di MTs YPK Cijulang. *Pelita Nusantara*, 1(1), 116–123. <https://doi.org/10.59996/jurnalpelitanusantara.v1i1.128>
- Fredrickson, B. L. (1998). What good are positive emotions? *Review of General Psychology*, 2(3), 300–319. <https://doi.org/10.1037/1089-2680.2.3.300>
- Fredrickson, B. L. (2001). The role of positive emotions in positive psychology: The broaden-and-build theory of positive emotions. *American Psychologist*, 56(3), 218–226. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.56.3.218>

- Fredrickson, B. L., & Branigan, C. (2005). Positive emotions broaden the scope of attention and thought-action repertoires. *Cognition & Emotion*, 19(3), 313–332.
- Fredrickson, B. L., & Joiner, T. (2002). Positive emotions trigger upward spirals toward emotional well-being. *Psychological Science*, 13(2), 172–175.
- Ganesh, M., Din, R., & Othman, N. (2022). Improving reading skills of Tamil words with the use of augmented reality (AR). *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(1), 979–993.
- Goh, S. (1998). Penggunaan peribahasa dalam karangan pelajar menengah. *Jurnal Dewan Bahasa*, 42(2).
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. (2017). *Standard kualiti pendidikan Malaysia gelombang 2 (SKPMg2)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kartika, N. F. (2020). Afek positif di domain akademik: Aplikasi the broaden and build theory of emotion. In *Seminar Nasional Psikologi UM* (Vol. 1, No. 1).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Pelan induk pembangunan pendidikan 2006–2010*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran Bahasa Melayu tingkatan 4 dan 5*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kurikulum Standard Sekolah Menengah BM Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 4 dan 5 Bahagian Pembangunan Kurikulum September 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lilly, M., Amelia, A. T., & Saira, J. (2013). Mind your grammar! – Learning English grammar the fun way. *Journal of Educational and Social Research*, 3(7), 402. <https://www.richtmann.org/journal/index.php/jesr/article/view/980>
- Mazan, I. (2016). *Pengajaran BM, didik hiburan dan seni bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md Nasir, M. R., & Subet, M. F. (2024). Pembelajaran peribahasa menurut perspektif KSSM Bahasa Melayu: Analisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. *Pendeta*, 15(1), 81–93. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.7.2024>
- Meenachi, D., & Norazrena, A. S. (2022). Tahap pengaplikasian media digital dalam kalangan guru Bahasa Tamil di sekolah rendah. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 6(1), 10–15. <https://doi.org/10.11113/itlj.v6.83>
- Melvina, C. H. C., & Norazah, M. N. (2021). Penilaian terhadap permainan interaktif didik hiburan dalam pembelajaran tatabahasa BM sekolah rendah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 9(2), 18–25.
- Mohammadipour, M. (2018). *Relationships between language learning strategies, positive emotions, language learning motivation and English language proficiency among Malaysian ESL undergraduates* (Doctoral dissertation). Universiti Putra Malaysia.
- Mohammadipour, M., Md Rashid, S., Rafik-Galea, S., & Yap, N. T. (2018). The relationships between language learning strategies and positive emotions among Malaysian ESL. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 6(1), 86–96.
- Mohd Nasir, M. R., & Subet, M. F. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa BM. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227–253. <https://doi.org/10.32890/mjli2019.16.2.9>
- Mohd Salleh, M. R., & Zulkifli, H. (2020). Penggunaan didik hiburan dalam pendidikan Islam sekolah kebangsaan: Utilisation of Edu-tainment in Primary Schools' Islamic Education. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 1–16. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v4i2.36>
- Muhammad Zaid, D. (2020). Pengajaran peribahasa dalam pendidikan BM di sekolah rendah: Isu dan cabaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 24–38.
- Nor Hashimah, J., & Junaini, K. (2010). Remaja Malaysia dan peribahasa. *Jurnal Linguistik*, 10(Edisi Khas), 158–172.
- Nor Shafiqah Rosdi, & Ahmad, A. (2025). Integrasi Pendekatan Didik Hibur dalam Pembelajaran Sejarah: Satu Tinjauan Konseptual. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(9), e003546–e003546. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i9.3546>
- Nur Syuaidatul Haneesa Mohd Shaffie, N. H. Muhamad Redzwan, W. N. I. Q. W. Ahmad A'fif, N. M. Asyira Kadir, & N. Fatimah Zaini. (2025). Penguasaan peribahasa Melayu dalam kalangan murid-murid tahun enam: The mastery of Malay proverbs among Year Six pupils. *Jurnal Melayu Sedunia*, 8(1), 43–59. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/66333>
- Nurul Amisyah, N. J., Nurul Farah Nadiyah, M., Nurul Balqish, M. J., & Zuraida, I. (2022). Meneroka peribahasa: Aplikasi permainan dan pembelajaran peribahasa sekolah rendah tahun 1 hingga tahun 6. *Multidisciplinary Applied Research and Innovation*, 3(2), 120–128. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/mari/article/view/3424>

- Osman, J., Mohamad, J. B., Ahmad, A. N., & Razali, J. R. R. (2018). Strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang. *Pendeta*, 9, 61–79. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol9.6.2018>
- Owing, J. S., Md. Sabil, A., & Othman, S. (2018). Tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran BM. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 4(2), 1–9.
- Suo, Y. J., & Suo, Y. M. (2020). Students' attitudes and perceptions of learning Mandarin Chinese via animated video. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(10), 567–579. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v10-i10/7782>
- Tan, C., & Yasin, R. M. (2022). Penerapan kaedah didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah luar bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 459–474. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/18137>
- Wan, Y. O., Ahmad, A. R., & Che Dahalan, S. (2022). Keberkesanan didik hibur terhadap empati sejarah dalam kalangan murid Tahun Empat di Daerah Kota Setar, Kedah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001326. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1326>